

**NO. SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 8 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8539**

**SOALAN:**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kes pembunuhan yang berlaku pada 9/1/2016 di SibU melibatkan kongsi gelap. Adakah mangsa tersebut itu terlibat dalam kegiatan dadah, dan apakah perkembangan terbaru kes tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis telah menjalankan siasatan berhubung kejadian di mana mangsa seorang lelaki berbangsa Cina ditembak pada 9.1.2016 bersangkut Ulu Lanang repot 365/2016. Hasil daripada siasatan awal yang dijalankan oleh pihak polis, kes pembunuhan tersebut tiada kaitan dengan elemen kongsi gelap, tapi lebih menjurus kepada persaingan dalam perniagaan pusat hiburan dan pusat hiburan keluarga. Namun demikian, pihak polis mempercayai mangsa juga menjalankan perniagaan yang bertentangan dengan undang-undang.**

**Pihak polis masih meneruskan siasatan untuk mencari dalang dan motif sebenar di sebalik pembunuhan tersebut. Pihak polis juga tidak bercadang untuk mengulas kes ini kerana dikhuatiri akan mengganggu proses siasatan.**